

PM tinjau kawasan simpanan minyak Venezuela

UM - 20/12/2006

CARACAS 19 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meluangkan masa selama empat jam meninjau kawasan simpanan minyak Venezuela di lembangan minyak Orinoco yang dikatakan memiliki rizab minyak terbesar di dunia.

Kawasan itu dianggarkan mempunyai rizab minyak sebanyak 235 bilion tong, yang jika ditambah kepada 81 bilion tong simpanan minyak Venezuela sekarang menjadikan keseluruhan rizab minyak Venezuela mencapai paras 316 bilion tong.

Perdana Menteri meninjau dari udara kawasan telaga minyak Petrozuata dan Sincor dan turut melawat kemudahan penapisan minyak Anzoategui di Jose Antonio. Kawasan itu terletak beberapa ratus kilo-

Satu bengkel akan diadakan untuk membincangkan aspek-aspek pembangunan projek yang perlu dijayakan

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

meter di selatan ibu kota Venezuela ini.

Turut serta dalam lawatan Perdana Menteri ialah Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Merican.

Lembangan Orinoco terletak di tenggara Venezuela. Ia berkeluasan 600 kilometer dari timur ke barat dan 70 kilometer dari utara ke selatan dengan keluasan keseluruhan kira-kira 55,314 kilometer persegi.

Ia dibahagikan kepada 27 blok di empat buah kawasan iaitu Boyaca, Junin, Ayacucho dan Carabobo. Pada masa ini, kawasan se-

luas 11,593 kilometer persegi terlibat dalam kerja cari gali dan pengeluaran minyak.

Banyak pihak menjangkakan projek cari gali dan pengeluaran minyak di Orinoco akan menjadikan Venezuela negara yang memiliki rizab minyak yang terbesar di dunia. Venezuela kini negara pengeluar minyak nombor lima dunia.

Dalam lawatan Abdullah ke Venezuela, kerjasama antara Petronas dan Petroleos de Venezuela S.A (PDVSA) adalah antara agenda utama perbincangan antara Abdul-

lah dan Presiden Hugo Chavez.

Perdana Menteri memberitahu wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan rasmi beliau di sini semalam bahawa Presiden Chavez telah menjemput Petronas memulakan satu kerjasama dengan PVDSA, syarikat petroleum nasional Venezuela.

"Mereka akan memulakan perbincangan pada awal Januari tahun depan. Satu bengkel akan diadakan untuk membincangkan aspek-aspek pembangunan projek yang perlu dijayakan," kata Abdullah.

Menurut beliau, potensi Malaysia untuk terlibat dalam sektor tenaga Venezuela amat positif lebih-lebih lagi kerana harga minyak di pasaran dunia begitu tinggi sekarang.

- Utusan